

Kuala Lumpur: Seorang lelaki yang membuat ugutan jenayah terhadap anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di media sosial membabitkan isu penjaja belon, bulan lalu akan dituduh di mahkamah di sini, hari ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, pertuduhan terhadap pemilik akaun Facebook itu akan dibuat mengikut Seksyen 506 dan 505 (b) Kanun Keseksaan.

“Kes ugutan kepada pihak penguat kuasa, esok kita (hari ini) akan tuduh,” katanya ringkas pada Program Kesejahteraan Komuniti Bandar Selamat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bestari 2025 di PPR Desa Rejang di sini, semalam.

Pada 8 April lalu, media melaporkan seorang lelaki ditahan polis selepas dipercayai membuat ugutan jenayah terhadap anggota penguat kuasa DBKL di media



RUSDI (kiri) pada Program Kesejahteraan Komuniti Bandar Selamat di PPR Desa Rejang.

Lelaki ugut penguat kuasa DBKL berdepan dakwaan

sosial.

Rusdi dilaporkan berkata, lelaki berusia 57 tahun itu ditahan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras pada jam 12.10 tengah malam.

Beliau berkata, penahanan dibuat susulan laporan yang

diterima daripada pegawai penguat kuasa DBKL itu pada jam 1.07 tengah hari 7 April lalu.

“Laporan itu mengenai tangkap layar perbualan kumpulan WhatsApp mengenai ancaman dan hasutan kepada penguat kuasa

DBKL.

“Pengadu mendakwa layar berkenaan adalah ancaman, hasutan dan berbaur ugutan dengan niat terhadap penguat kuasa DBKL sebagai penjawat awam yang menguatkuasakan undang-undang,” katanya.